



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.00 pagi, 24 Oktober 2025

Untuk Terbitan Media
24 Oktober 2025

SIARAN MEDIA

FESTIVAL MEGA i LINDUNG u: PERMULAAN SIRI JELAJAH PERKESO LINDUNG SELURUH NEGARA

SHAH ALAM - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyeru orang ramai untuk hadir memeriahkan Festival Mega i LINDUNG u 2025, yang sedang berlangsung mulai hari ini hingga 26 Oktober 2025 di pekarangan Stadium Shah Alam, Selangor.

Festival selama tiga hari ini membuka tirai siri jelajah PERKESO LINDUNG yang akan diteruskan di negeri lain selepas ini, membawakan pelbagai perkhidmatan, peluang dan aktiviti interaktif kepada masyarakat semuanya dalam satu lokasi untuk seisi keluarga.

PERKESO berkata festival ini bukan sekadar program santai, tetapi satu usaha mendekatkan rakyat dengan perlindungan sosial dalam suasana santai dan mesra rakyat.

“Kami mengajak semua lapisan masyarakat, terutama warga Lembah Klang, untuk hadir dan bersama-sama menikmati pelbagai aktiviti yang disediakan untuk seisi keluarga merangkumi sesi borak santai bersama aktivis kemanusiaan dan bekas wartawan, Zainal Rashid Ahmad (ZRA), perkongsian kesihatan serta saringan kanser percuma oleh Majlis Kanser Nasional (MAKNA), saringan kesihatan percuma, aktiviti kecergasan Pound bersama personaliti kecergasan terkenal, Hanis.

“Selain itu, terdapat juga aktiviti kerohanian seperti tausiah oleh Sheikh Mahmood Al-Wasobi bertajuk “Rezeki Yang Barokah”, disusuli persembahan kumpulan nasyid terkenal Rabbani dan Qasidah oleh Angham Anisah.

“Festival ini dibuka dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari, turut menyediakan gerai jualan usahawan komuniti serta Konsert i LINDUNG u yang menampilkan artis popular seperti Rabbani, Drama Band, Kartika, Kristal X dan Sofazr turut diadakan sepanjang tiga hari program ini berlangsung,” ujar PERKESO dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Turut menjadi tumpuan dalam festival ini ialah Karnival LINDUNG Kerjaya MYFutureJobs, yang menawarkan hampir 1,000 peluang pekerjaan dengan gaji sehingga RM10,000 daripada syarikat-syarikat terkemuka termasuk DRB-Hicom Auto Solutions, Media Prima Berhad, Watsons, Top Glove Corporation Berhad dan lain-lain.

Bagi majikan pula, PERKESO menawarkan diskaun sehingga 80 peratus bagi *Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)* sepanjang festival, sebagai inisiatif untuk majikan menyelesaikan tunggakan caruman dan menggalakkan patuhan terhadap tanggungjawab

keselamatan sosial pekerja, namun masih tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

“Festival ini bukan sekadar pesta, tetapi simbol kepada komitmen kami bahawa *PERKESO LINDUNG Semua* melindungi setiap rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang,” katanya.

Pengunjung bertuah juga berpeluang membawa pulang hadiah menarik bernilai keseluruhan RM20,000 termasuk tablet, basikal, jam tangan pintar Garmin dan banyak lagi.

PERKESO menyeru agar semua rakyat hadir dan rasai sendiri semangat *LINDUNG*, satu simbol bahawa kesejahteraan sosial bukan sekadar perlindungan, tetapi kasih, tanggungjawab dan kebersamaan.

“Jangan lepaskan peluang! Datanglah bersama keluarga, raikan gaya hidup sihat, peluang pekerjaan dan hiburan dalam satu festival yang penuh manfaat.

“Festival Mega i *LINDUNG* u bukan sekadar acara, tetapi gerakan sosial PERKESO untuk memastikan setiap rakyat Malaysia benar-benar dilindungi di bawah payung keselamatan sosial negara,” tambahnya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

24 Oktober 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my